



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

SIARAN MEDIA

PROGRAM JERAYAWARA PENDIDIKAN TINGGI NEGARA, JOM MASUK U 2025 (JMU 2025) BERMULA 22 FEBRUARI NANTI

1. Sukacita dimaklumkan bahawa program jerayawara pendidikan tinggi negara anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu Jom Masuk U 2025 (JMU 2025) bakal memulakan siri jelajah ke **10 zon** di seluruh Malaysia bermula pada **22 Februari hingga 18 Mei 2025**.
2. JMU 2025 merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan maklumat kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) selain menggalakkan pelajar untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
3. Di samping itu, penganjuran JMU 2025 ini juga bertujuan untuk mempromosi maklumat mengenai program pendidikan yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi di bawah KPT yang merangkumi Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik, Kolej Komuniti (KK) serta penglibatan MARA Bahagian Pendidikan Tinggi (MARA BPT). JMU 2025 menyasarkan kumpulan pelajar yang menduduki peperiksaan SPM, STPM, Matrikulasi, Asasi, STAM dan Diploma/Setaraf.
4. Semasa berlangsungnya Program JMU 2025, calon-calon lepasan SPM dan STPM/Setaraf boleh membuat permohonan UPUOnline® Fasa Pertama yang akan dibuka mulai **10 Februari 2025 (12.00 tengah hari) hingga 14 Mac 2025 (5.00 petang)** dan **14 April 2025 hingga 18 Mei 2025** bagi permohonan Fasa Kedua.

5. Pelbagai aktiviti menarik turut ditawarkan sepanjang JMU 2025 berlangsung antaranya pameran, sesi konsultasi UPUOnline[®], konsultasi penajaan/ biasiswa/ pinjaman dan bantuan kewangan pendidikan tinggi, terjah reruai IPTA, cabutan bertuah, *campus tour*, persembahan pelajar, aktiviti bersama alumni, ruang interaktif, aktiviti keusahawan, dan banyak lagi.
6. KPT menjemput semua pihak khususnya pelajar, ibu bapa, penjaga, guru, kaunselor dan orang awam agar turut serta dalam JMU 2025 dan mengucapkan selamat maju jaya bagi pemohon UPUOnline[®] Sesi Akademik 2025/2026.

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan permohonan UPUOnline[®] tersebut boleh dimajukan ke Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA secara terus di alamat berikut:-

**BAHAGIAN KEMASUKAN PELAJAR IPTA
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 4, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

No. Tel: 03-8684 2363

E-mel: upu@mohe.gov.my

Facebook: KEMASUKAN BPKP JPT

Instagram: @KEMASUKANBPKA

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
12 FEBRUARI 2025**

SENARAI SEPULUH (10) ZON PROGRAM JOM MASUK U 2025 (JMU 2025) BERMULA 22 FEBRUARI HINGGA 18 MEI 2025

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Jom Masuk U 2025

ZON TIMUR I
 Kuantan, Pahang
 22 & 23 FEB
 GRAND HALL, OFFICE OF CAMPUS DIRECTOR, UIAM Kuantan

ZON SABAH I
 Sandakan, Sabah
 KOMPLEKS SUKAN SANDAKAN

ZON SARAWAK I
 Bintulu, Sarawak
 BOULEVARD SHOPPING MALL, BINTULU

ZON SELATAN
 Ayer Keroh, Melaka
 DEWAN CANSOLOR, UTeM

ZON TENGAH II
 Bangi, Selangor
 DEWAN CANSOLOR TUN ABDUL RAZAK (DECTAR) KAMPUS BANGI, UKM

ZON TIMUR II
 Kuala Nerus, Terengganu
 UniSZA, KAMPUS GONG BADAQ

ZON UTARA
 Gelugor, Pulau Pinang
 DEWAN UTAMA PELAJAR, USM, PULAU PINANG (KAMPUS INDUK)

ZON SARAWAK II
 Kuching, Sarawak
 MYDIN VISTA TUNKU, KUCHING

ZON SABAH II
 Kota Kinabalu, Sabah
 KOMPLEKS DEWAN KULIAH PUSAT KE-2, UMS

ZON TENGAH I
 Manjung, Perak
 17 & 18 MEI
 DEWAN MERDEKA, PUSAT KONVENSyen, MANJUNG

19 & 20 APRIL

26 & 27 APRIL

3 & 4 MEI

10 & 11 MEI

17 & 18 MEI

MALAYSIA MADANI *keajaibannya*

LPU ONLINE

JMU2025 **JomMasukU2025**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Instagram, Facebook, Twitter, YouTube, and other social media icons.